

20 FEB 1999

Mahathir-Kekayaan

KERAJAAN PUSAT TIDAK MAHU EKSPLOITASI KEKAYAAN SABAH BERULANG

KOTA KINABALU, 20 Feb (Bernama) -- Kerajaan pusat akan memastikan eksploitasi sumber kekayaan Sabah untuk kepentingan diri seperti yang berlaku pada masa-masa lepas tidak berulang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, kerajaan akan menggunakan organisasi tertentu yang boleh menguruskan sumber kekayaan Sabah itu dan apa yang diperolehi daripadanya akan digunakan untuk kepentingan rakyat negeri itu.

"Ini berbeza dengan dulu... kalau dulu yang nampak ialah pokok (balak) terlalu tinggi, nak bagi rendah, dia potong, kemudian jual tapi duit pergi mana kita tak tahu," katanya pada persidangan berita di sini di akhir lawatan tiga hari beliau ke Sabah.

Katanya antara punca kadar kemiskinan di Sabah masih di tahap tinggi ialah kekurangan peruntukan dan tumpuan yang diberi untuk mengatasinya pada masa-masa yang lepas.

"Dulu Sabah terlalu kaya tetapi ketika itu tidak ada tumpuan diberi kepada pembangunan rakyat Sabah kerana masing-masing asyik dengan seronok sahaja dapat duit banyak," kata beliau.

Perdana Menteri berkata kerajaan pusat sekarang ini serius dalam usaha membasmi kemiskinan di Sabah kerana ia mempunyai lebih banyak peranan dalam pembangunan negeri.

"Dengan itu kita boleh bekerjasama dengan kerajaan negeri sekarang untuk membangunkan negeri ini dan menyelesaikan masalah seperti kemiskinan," katanya.

Ketika ditanya mengenai manifesto BN pada pilihan raya akan datang, beliau berkata: "Kita akan tekankan pemerintahan yang berkeupayaan dan berminat untuk membangunkan Sabah serta pemerintahan negeri yang boleh bekerjasama dengan kerajaan pusat."

Ia juga akan berdasarkan kepada kesungguhan untuk menunaikan janji bagi membangunkan Sabah, katanya.

"Umpamanya kita janji bahawa apabila BN memerintah, kita tubuh sebuah universiti. Ini kita telah lakukan dan setakat ini kita telah belanja RM800 juta untuk Universiti Malaysia Sabah dan ini membuktikan kita serius terhadap janji kita terutama yang berkenaan dengan latihan bagi rakyat Sabah," katanya.

Ketika ditanya mengenai bila Dewan Undangan Negeri akan dibubarkan, Dr Mahathir berkata ia boleh diadakan pada bila-bila masa tetapi tidaklah sehingga melepasi April tahun ini.

Ditanya mengenai perjumpaan tertutup beliau dengan pengusaha pelancongan di Sabah pagi tadi, Dr Mahathir berkata beliau telah diberi taklimat mengenai pelbagai aspek berkaitan dengan sektor itu di Sabah.

Antaranya ialah bilangan penerbangan dari destinasi-destinasi tertentu ke Sabah serta perkara yang berkaitan dengan penerbangan sewa khas membabitkan negeri itu.

"Saya dapati mereka yang memberi taklimat itu mempunyai pengetahuan mendalam berkenaan pelancongan di Sabah dan saya telah mengambil ingatan terhadap perkara yang dibangkitkan oleh mereka," katanya.

Katanya beliau akan membawa perkara itu kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) untuk dibincangkan.

Dr Mahathir dan Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali kemudian berlepas ke Kuala Lumpur dari terminal lama Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu.

Yang turut berada lapangan terbang itu ialah Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok, Timbalan Ketua Menteri Datuk Osu Sukam, anggota kabinet negeri dan pemimpin komponen BN Sabah.

-- BERNAMA

JS AU MAI